

28/11/1998

Wakil rakyat BN perlu abdikan diri

KOTA KINABALU, Jumaat - Semua pemimpin dan wakil rakyat Barisan Nasional (BN) perlu mengabdikan diri kepada rakyat serta memanfaatkan masa, tenaga dan fikiran untuk negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, ini penting kerana rakyat yang mengangkat seseorang sebagai pemimpin, meletakkan harapan tinggi supaya nasib mereka tidak diabaikan begitu saja.

Sambil menyarankan pemimpin mendekati diri dengan rakyat pada setiap masa, beliau berkata pemimpin perlu menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan kerana kedudukan yang ada bukan lesen untuk berlagak.

"Pemimpin perlu berkhidmat kepada rakyat dan negara. Oleh itu, manfaatkanlah masa, fikiran dan tenaga untuk mereka," katanya ketika berucap pada majlis Jamuan Pemimpin Bersama Rakyat di sebuah hotel di sini malam ini.

Hadir sama, Ketua Menteri, Tan Sri Bernard Dompok; Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah, Datuk Hassan Alban Sandukong; pemimpin Barisan Nasional (BN) serta anggota Jemaah Kabinet negeri.

Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan kerja dua hari ke Sabah berkata, sememangnya tugas sebagai pemimpin amat berat kerana rakyat meletakkan harapan yang begitu tinggi.

Katanya, jika seseorang tidak sanggup memikul tanggungjawab itu, ia tidak boleh menjadi pemimpin. Ini kerana setiap pemimpin harus bertanggungjawab kepada rakyat dan negara.

"BN memerlukan pemimpin yang komited dan tidak memikirkan kepentingan diri sendiri saja," katanya.

Perdana Menteri turut menyangkal kritikan golongan tertentu kononnya Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan kerajaan hanya menguntungkan segelintir orang.

"Kritikan ini tidak benar. Semua pihak mendapat bahagian mengikut kedudukan masing-masing. Memang tidak semua jadi jutawan, tetapi semua kaum di negara ini mendapat agihan sama-rata," katanya.

Menurutnya, secara keseluruhan DEB berjaya mengurangkan ketegangan dan permusuhan antara kaum menerusi pengagihan hasil ekonomi secara adil.

"Sebab itulah tidak berlaku rusuhan yang berpunca daripada ketidakseimbangan pengagihan ekonomi di kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini," katanya.

Sebelum itu, pada sebelah petang Dr Mahathir menghadiri Perhimpunan Pemuda Barisan Nasional (BN) di Kompleks Sukan Likas di sini, yang disertai kira-kira 5,000 orang.

Sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur esok, Perdana Menteri juga dijadual mengadakan perjumpaan tertutup dengan Badan Perhubungan Umno Sabah serta melancarkan logo baru Akar Bersatu.

(END)